Pejabat Pembangunan Infrastruktur dan Infostruktur

DASAR ICT Versi 2.0

Seksyen 7- KESELAMATAN ICT

PENGENALAN

Penyataan keselamatan, objektif, skop dan prinsip dalam keselamatan ICT adalah mengikut kaedah yang telah ditetapkan oleh Dasar Keselamatan ICT UiTM (DKICT).

PENYATAAN KESELAMATAN

Terdapat empat (4) komponen asas keselamatan ICT iaitu:

- Melindungi maklumat rahsia rasmi dan maklumat UiTM dari capaian tanpa kuasa yang sah;
- Menjamin setiap maklumat adalah tepat dan sempurna;
- Memastikan ketersediaan maklumat apabila diperlukan oleh pengguna; dan
- Memastikan akses hanya kepada pengguna yang sah atau penerimaan maklumat dari sumber yang sah.

OBJEKTIF

Objektif utama Keselamatan ICT UiTM adalah seperti berikut:

- Memastikan kelancaran operasi UiTM dan meminimumkan kerosakan atau kemusnahan;
- Melindungi kepentingan pihak-pihak yang bergantung kepada sistem maklumat dari kesan kegagalan yang melibatkan kerahsiaan, integriti, kebolehsediaan, kesahihan maklumat dan komunikasi;
- Mencegah salah guna atau kecurian aset ICT UiTM;
- Meminimumkan kos penyelenggaraan ICT akibat ancaman dan penyalahgunaan; dan
- Memperkemaskan pengurusan keselamatan ICT UiTM.

SKOP DKICT

- Aset ICT yang terdiri daripada perkakasan, perisian, perkhidmatan, data, maklumat dan manusia;
- Premis yang menempatkan sumber-sumber teknologi maklumat termasuklah pusat data, bilik media storan, kemudahan utiliti dan sistem sokongan lain; dan
- Kemudahan komunikasi.

PRINSIP KESELAMATAN ICT

a. Akses atas dasar "perlu mengetahui"

i. Hak akses minimum

Hak akses pengguna hanya diberi pada tahap set yang paling minimum iaitu untuk membaca dan/ atau melihat sahaja.

ii. Akauntabiliti

Semua pengguna adalah dipertanggungjawabkan ke atas semua tindakannya terhadap aset ICT.

b. Pengasingan

Tugas mewujud, memadam, mengemaskini, mengubah dan mengesahkan data perlu diasingkan bagi mengelakkan daripada capaian yang tidak dibenarkan untuk melindungi aset ICT daripada kesilapan, kebocoran maklumat terperingkat atau dimanipulasi.

c. Pengauditan

Tindakan untuk mengenal pasti insiden berkaitan keselamatan atau keadaan yang mengancam keselamatan.

d. Pematuhan

DKICT UiTM hendaklah dibaca, difahami dan dipatuhi bagi mengelakkan sebarang bentuk pelanggaran ke atasnya yang boleh membawa ancaman kepada keselamatan ICT.

e. Pemulihan

Memastikan kebolehsediaan dan kebolehcapaian sistem untuk meminimumkan sebarang gangguan atau kerugian.

f. Saling Bergantungan

Tindakan mempelbagaikan pendekatan dalam menyusun dan mencorakkan mekanisme keselamatan adalah perlu bagi menjamin keselamatan yang maksimum.

SCAN UNTUK DOKUMEN DASAR ICT Versi 2.0

SCAN UNTUK DOKUMEN DASAR KESELAMATAN ICT Versi 2.0

Disediakan oleh: Jabatan Infostruktur